GARIS PANDUAN PELAPORAN PENYATA KEWANGAN KOPERASI

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah peruntukan seksyen 86B Akta Koperasi 1993 bertujuan bagi menetapkan standard dan tatacara perakaunan yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh koperasi dalam melaporkan penyata kewangannya supaya selaras dengan Akta Koperasi 1993 dan peraturan-peraturan koperasi.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

"Akta" ertinya Akta Koperasi 1993

"penyata kewangan" mempunyai erti yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

"Peraturan" ertinya Peraturan-Peraturan Koperasi 2010.

DRAFT

LATARBELAKANG

3. Tujuan penyediaan penyata kewangan adalah bagi menunjukkan struktur kewangan dan hasil urusniaga yang dijalankan oleh sesebuah koperasi. Objektifnya ialah untuk menyediakan maklumat yang berguna mengenai kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai sesebuah koperasi kepada pelbagai pengguna untuk membuat keputusan ekonomi dan tindakan berasaskan perundangan mana-mana yang relevan. Setiap maklumat di atas juga disarankan mempunyai penerangan tambahan supaya pengguna dapat memahami dengan jelas. Penyata kewangan juga menunjukkan natijah pengurusan sumber-sumber yang diamanahkan kepada anggota Lembaga koperasi. Untuk mencapai objektif ini, penyata kewangan perlu menyediakan maklumat kewangan seperti berikut:-

(a) aset
(b) liabiliti
(c) kumpulan wang anggota dan lain-lain akaun rizab
(d) pendapatan dan perbelanjaan, termasuk untung dan rugi
(e) pembahagian keuntungan
(f) aliran tunai

4. Dengan penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 1 Januari 2008 dan kuatkuasanya Akta pada tarikh yang sama, maka berlaku beberapa perubahan drastik yang memberi kesan ke atas kandungan Garis Panduan Penyeragaman Bentuk Penyata Kewangan Koperasi yang dikeluarkan pada 30 Julai 2005.

5. Sehubungan itu, pindaan perlu dibuat ke atas garis panduan ini khususnya yang berkaitan dengan Akta, antaranya seksyen 19, 54 dan 57 dan juga Peraturan.

DRAFT

6. Di Malaysia, penetapan standard perakaunan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang ditubuhkan di bawah Akta Pelaporan Kewangan 1997. Dalam hal ini, MASB telah mengeluarkan dua bentuk piawaian perakaunan iaitu:-

(a) piawaian perakaunan bagi institusi yang perlu melaporkan kepada atau dikawal selia di bawah Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia dan syarikat yang tersenarai di Bursa Saham berserta dengan subsidiarinya, syarikat sekutunya dan syarikat usahasamanya. Piawaian perakaunan ini dipanggil sebagai *Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS);* dan

(b) piawaian perakaunan yang dipanggil *Private Entity Reporting Standards (PERS)* khusus bagi entiti persendirian. Maksud entiti ini yang ditakrif di bawah Akta Syarikat 1965 ialah :-

(i) entiti yang tidak perlu melapor kepada badan-badan seliaan seperti di perenggan 6*(a)*.

(ii) entiti itu bukan subsidiari atau syarikat sekutu atau *jointly controlled* (syarikat usahasama) kepada entiti yang tertakluk di bawah seliaan badan-badan seperti di perenggan 6*(a)*.

7. Oleh itu, SKM tidak memaksa koperasi sama ada hendak mengikuti MFRS atau PERS kerana dalam Akta tidak menyatakan kehendak sedemikian. Bagaimanapun penggunaan piawaian perakaunan ini hendaklah secara tekal dan menyeluruh (*consistent and entirety*). SKM mempunyai kuasa di bawah Jadual seksyen 86B Akta untuk mengeluarkan arahan, garis panduan, surat pekeliling atau notis berkaitan bentuk dan kandungan penyata kewangan, standard perakaunan dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh koperasi dalam menyedia dan membentangkan penyata kewangan. Garis panduan ini telah mengambilkira perkembangan piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh MASB.

8. Oleh itu, penyeragaman laporan akan memudahkan pengukuran prestasi koperasi secara khususnya atau gerakan koperasi secara amnya.

BAHAGIAN B: TANGGUNGJAWAB ANGGOTA LEMBAGA

9. Akta telah mempertanggungjawabkan kepada anggota Lembaga koperasi dalam penyediaan penyata kewangan. Mengikut subseksyen 58(3) Akta, koperasi dikehendaki menyediakan dengan seberapa segera yang mungkin tetapi tidak lewat daripada dua bulan selepas tamatnya setiap tahun kewangan, akaun perdagangan dan untung rugi dan kunci kira-kira berserta dokumen lain bagi maksud pengauditan.

10. Seterusnya mengikut subseksyen 59(5) Akta, adalah menjadi tangggungjawab koperasi membentangkan dalam mesyuarat agung tahunannya penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama tentang kedudukan hal-ehwal koperasi .

11. Subperaturan 31(1) Peraturan menghendaki koperasi menyediakan penyata kewangan dalam bentuk yang ditentukan oleh SKM.

BAHAGIAN C: PELAPORAN PENYATA KEWANGAN YANG SERAGAM

12. Penyata kewangan koperasi adalah terdiri daripada :

(a) Kunci Kira-Kira
(b) Akaun Pembahagian Keuntungan
(c) Akaun Untung Rugi dan Akaun Perdagangan
(d) Penyata Aliran Tunai
(e) Nota kepada Akaun

DRAFT

13. Perincian pelaporan penyata kewangan adalah seperti berikut :

KUNCI KIRA-KIRA

14. Antara butiran yang perlu ditunjukkan pada Kunci Kira-Kira (mana yang berkaitan) adalah seperti di **Lampiran 1**.

15. Nota kepada Akaun juga perlu diadakan bagi menjelaskan butiran dalam Kunci Kira-Kira. Antara butiran yang dimaksudkan ialah:

a. Harta Tanah, Loji dan Peralatan (Rujuk Lampiran 5 perenggan 1)

(i) Dalam nota berkaitan Dasar Perakaunan, koperasi perlu menyatakan kaedah pengiraan susutnilai yang digunakan dan kadar susut nilai bagi setiap jenis aset. Bagi aset tanah, koperasi perlu mengasingkan milik bebas dengan pajakan.

(ii) Koperasi juga hendaklah menghapus kira kerugian dengan segera dan sepenuhnya jika berlaku penjejasan nilai aset yang ketara (*impairment loss*) di mana amaun dibawa atau nilai buku bersih (*carrying value*) melebihi amaun yang boleh diperoleh semula (*recoverable amount*) atas punca-punca luaran atau dalaman[1] .

---

[1] Rujuk Piawaian MASB 23 atau MFRS 136

(iii) Sekiranya koperasi berniat untuk menilai harta tanah untuk tujuan penerbitan syer bonus kelak, maka penilaian tersebut perlu mendapat kelulusan SKM menurut perenggan 55(1)(b) Akta. Sebarang kenaikan dalam nilai pasaran hendaklah dikreditkan ke Akaun Rizab Modal.

Bagaimanapun sekiranya koperasi menilai aset tersebut selain daripada tujuan di atas (seperti untuk mendapat pinjaman luar), kelulusan daripada SKM tidak diperlukan.

(iv) Namun begitu, sekiranya koperasi menilai aset tersebut bagi mematuhi piawaian perakaunan[2] dan bukan bertujuan untuk penerbitan syer bonus, maka kelulusan SKM tidak diperlukan dan perlu dinyatakan dalam Nota kepada Akaun.

Sebarang kenaikan atau kejatuhan dalam nilai pasaran harta tanah tersebut dikreditkan ke Akaun Rizab Penilaian Semula dan dilaporkan dalam Laporan Berkanun Lembaga mengikut kehendak perenggan 59(3)(e) Akta. Bagaimanapun jika baki Akaun Rizab Penilaian Semula tidak dapat menampung kerugian tersebut, maka ia perlu dipindahkan ke Akaun Untung Rugi.

(v) Penilaian semula harta tanah untuk tujuan menghapuskira kerugian terkumpul adalah tidak dibenarkan mengikut Subseksyen 55(2) Akta.

(vi) Persembahan akaun bagi harta tanah, loji dan peralatan ditunjukkan di **Lampiran 5 perenggan 1**.

---

[2] Rujuk Piawaian MASB 15 atau MFRS 116

b. Geran/Bantuan

(i) Punca geran/subsidi yang diperoleh serta tujuan pemberian hendaklah dinyatakan dalam Nota kepada Akaun.

(ii) Geran/bantuan yang digunakan untuk membeli aset tetap perlu ditunjukkan secara berasingan dan segala pelarasan yang dibuat dalam akaun perlu ditunjukkan dalam Nota kepada Akaun.

(iii) Perlakuan akaun ke atas geran/bantuan yang diterima hendaklah mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM iaitu GP 8 : Garis Panduan Mengenai Perakaunan Untuk Geran/Bantuan.

c. Pelaburan Dalam Syer Siar Harga Dan Tak Siar Harga

(i) Bagi pelaburan syer siar harga termasuk tabung amanah yang mengalami kejatuhan dalam harga pasaran/pengurus yang ketara (melebihi 30% kejatuhan secara keseluruhan dalam harga pasaran atau jumlah kejatuhan nilai pasaran berbanding dengan kos melebihi 5% daripada untung bersih), persediaan rosotnilai sepenuhnya perlu dibuat bagi menggambarkan nilai aset yang benar dan saksama.

Contoh :

Untung bersih koperasi ialah RM2 juta. Koperasi ada pelaburan RM1 juta. Nilai pasaran telah jatuh kepada RM650,000. Oleh itu, jumlah kejatuhan adalah RM350,000 iaitu 35% daripada kos pelaburan dan 17.5% daripada untung bersih. Dalam hal ini, peruntukan sepenuhnya (RM350,000) perlu dibuat.

DRAFT

(ii) Bagi pelaburan syer tak siar harga, persediaan rosotnilai sepenuhnya perlu dibuat sekiranya Kumpulan Wang Anggota koperasi atau Dana Pemegang Saham syarikat berkenaan berada dalam keadaan negatif.

(iii) Jumlah persediaan rosotnilai pelaburan hendaklah ditunjukkan dalam nota dan ditolak daripada jumlah kos.

(iv) Nyatakan kelulusan daripada SKM dan had pelaburan bagi pelaburan syer siar harga dan syer tak siar harga selaras dengan kehendak subperaturan 4(1) Peraturan-Peraturan (Pelaburan) 2010 dan peraturan, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM termasuk undang-undang kecil koperasi berkaitan.

(v) Perlakuan perakaunan berkaitan pelaburan syer hendaklah mengikut piawaian perakaunan[3] di mana sebarang kenaikan dalam nilai pelaburan syer dikreditkan ke Akaun Rizab Penilaian Semula.

Walau bagaimanapun dalam keadaan di mana sebelum ini berlaku kejatuhan dalam nilai pelaburan syer dan amaun kejatuhan tersebut telah dicajkan sebagai belanja dalam Akaun Untung Rugi, maka amaun yang boleh dikreditkan ke Akaun Untung Rugi daripada kenaikan nilai pelaburan syer hanya setakat amaun yang telah dicajkan sebagai belanja. Sebarang lebihan hendaklah di kreditkan Akaun Rizab Penilaian Semula.

---

[3] Rujuk Piawaian *MASB Approved* IAS 25 – *Accounting for Investment* (*International Accounting Standard*)

(vi) Koperasi hendaklah menghapus kira kerugian dengan segera dan sepenuhnya jika berlaku penjejasan nilai aset yang ketara (*impairment loss*) di mana amaun dibawa atau nilai buku bersih (*carrying value*) melebihi amaun yang boleh diperoleh semula (*recoverable amount*) atas punca-punca luaran atau dalaman[4].

(vii) Syer bonus yang diterima hasil daripada pelaburan dalam syer siar harga dan tak siar harga tidak boleh diambil kira sebagai pendapatan dalam Akaun Untung Rugi selagi ia belum dijual atau ditebus. Oleh itu, koperasi hanya perlu menunjukkan tambahan dalam bilangan unit syer yang dipegang oleh koperasi sementara kosnya masih kekal sama dalam Nota kepada Akaun.

(viii) Maklumat yang perlu dimuatkan dalam Nota kepada Akaun bagi pelaburan syer siar harga dan tak siar harga ditunjukkan di **Lampiran 5 perenggan 2**.

d. Kepentingan Dalam Subsidiari Dan Syarikat Bersekutu

(i) Subsidiari sesuatu koperasi ialah sesuatu syarikat, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965, yang komposisi Lembaga Pengarahnya atau lebih daripada separuh kuasa mengundinya dikawal oleh koperasi itu, atau yang lebih daripada separuh modal syer diterbitkannya dipegang oleh koperasi itu, dan termasuklah sesuatu subsidiari, sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta itu, bagi syarikat itu.

---

[4] Rujuk Piawaian MASB 23 atau MFRS 136

(ii) Syarikat bersekutu ialah syarikat yang sekurang-kurangnya 20% hingga 50% daripada sahamnya dipunyai oleh koperasi dan koperasi boleh mempengaruhi keputusan-keputusan syarikat.

(iii) Perlu dinyatakan nama syarikat, aktiviti, amaun pelaburan dan peratus pegangan ekuiti dalam subsidiari dan syarikat bersekutu termasuk persediaan rosot nilai dan kelulusan pembentukan, perolehan dan pelaburan daripada Suruhanjaya selaras dengan kehendak seksyen 19 Akta, Peraturan-Peraturan (Pelaburan) 2010, Peraturan-Peraturan (Subsidiari) 2010, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM termasuk undang-undang kecil koperasi berkaitan. Sila pastikan had pelaburan mematuhi Peraturan-Peraturan (Pelaburan) 2010 dan garis panduan berkaitan.

(iv) Jumlah hutang subsidiari dan syarikat bersekutu kepada induk (koperasi) juga ditunjukkan di bawah tajuk ini. Nyatakan sama ada kelulusan daripada SKM diperoleh berkaitan apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit atau memberi apa-apa jaminan atau aku janji bagi pembiayaan atau kemudahan itu atau memindahkan apa-apa wang atau aset dalam apa-apa bentuk kepada subsidiarinya selaras dengan kehendak subseksyen 19(2) Akta.

DRAFT

(v) Pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan pada harga kos atau nilai dibawa selaras dengan kehendak piawaian perakaunan[5]. Di mana terdapat kesan kewujudan penjejasan, harga kos atau nilai dibawa pelaburan perlu dikaji dan dibuat persediaan rosot nilai atau diturun nilai segera ke nilai boleh pulih[6].

(vi) Bagi pelaburan dalam syarikat bersekutu, pendedahan mengenai kedudukan kewangan syarikat tersebut secara ringkas perlu ditunjukkan di antaranya jumlah aggregat aset, liabiliti, pendapatan dan keuntungan atau kerugian. Contoh persembahan ditunjukkan di **Lampiran 5 perenggan 3**.

e. Pelaburan Hartanah Dan Pelaburan Lain

(i) Pelaburan hartanah adalah hartanah (tanah atau dan bangunan) bagi tujuan memperoleh sewaan atau peningkatan nilai hartanah atau kedua-duanya dan bukan untuk tujuan perniagaan.

(ii) Jika bangunan digunakan untuk perniagaan sendiri dan juga penyewaan, maka pengasingan hendaklah dibuat seperti berikut:

- Sekiranya kos boleh diasingkan dan *strata title* boleh diperoleh, maka kos antara aset tetap dan pelaburan hartanah perlu diasingkan.

---

5 Rujuk Piawaian MASB 11 atau MFRS 127 dan MASB 12 atau MFRS 128

6 Rujuk Piawaian MASB 23 atau MFRS 136

- Sekiranya kos tidak boleh diasingkan dan penggunaan oleh koperasi hanya setakat 10% sahaja daripada keseluruhan ruang lantai untuk perniagaan, maka ia boleh diiktiraf secara keseluruhannya sebagai pelaburan hartanah.

(iii) Perincian perlu dibuat bagi menjelaskan pelaburan-pelaburan yang terlibat. Bagi pelaburan hartanah, sila nyatakan dalam Nota kepada Akaun kegunaan hartanah tersebut. Perlakuan perakaunan berkaitan pelaburan hartanah hendaklah mengikut piawaian perakaunan[7] di mana sebarang kenaikan dalam nilai pelaburan hartanah dikreditkan ke Akaun Rizab Penilaian Semula.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana sebelum ini berlaku kejatuhan dalam nilai pelaburan hartanah dan amaun kejatuhan tersebut telah dicajkan sebagai belanja dalam Akaun Untung Rugi, maka amaun yang boleh dikreditkan ke Akaun Untung Rugi daripada kenaikan nilai pelaburan hartanah hanya setakat amaun yang dicajkan sebagai belanja. Sebarang lebihan hendaklah di kreditkan Akaun Rizab Penilaian Semula.

(iv) Jika koperasi memilih menggunakan MFRS 140 – *Invesment Property,* piawaian ini menetapkan 2 model dalam persembahannya iaitu model nilai saksama (*fair value*) atau model kos.

---

[7] Rujuk Piawaian *MASB Approved* IAS 25 (*International Accounting Standard) – Accounting for Invesment*

Bagi model nilai saksama (*fair value*), semua aset pelaburan harta tanah perlu dinilai secara berkala pada nilai saksama. Mengikut model ini, aset tersebut tidak perlu dibuat susutnilai dan penjejasan nilai aset. Bagaimanapun jika ada kenaikan atau kurangan ke atas perubahan dalam nilai saksama, perlakuan perakaunannya adalah seperti di perenggan (iii) di atas iaitu ke Akaun Rizab Penilaian Semula dan bukannya ke Akaun Untung Rugi seperti yang ditetapkan dalam piawaian perakaunan MFRS 140 kerana SKM berpendapat ia masih belum direalisasikan.

Mengikut model kos, aset tersebut diakaunkan mengikut MASB 15 atau MFRS 116 dan dibuat susutnilai dan penjejasan nilai aset. **Harta tanah yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagian oleh SKM hendaklah menggunapakai model kos dari awal perolehan sehingga pinjaman/pembiayaan diselesaikan.**

(v) Koperasi yang menggunakan model kos hendaklah menghapus kira kerugian dengan segera dan sepenuhnya jika berlaku penjejasan nilai aset yang ketara (*impairment loss*) di mana amaun dibawa atau nilai buku bersih (*carrying value*) melebihi amaun yang boleh diperoleh semula (*recoverable amount*) atas punca-punca luaran atau dalaman[8].

(vi) Pelaburan dalam harta tak alih hendaklah mengikut peruntukan seksyen 54A Akta, Peraturan-Peraturan (Pelaburan) 2010 dan undang-undang kecil koperasi berkaitan.

---

[8] Rujuk Piawaian MASB 23 atau MFRS 136

(f) Pelaburan Dalam Usaha Sama

(i) Terdapat tiga jenis usaha sama yang umum[9]:

- pengendalian kawalan bersama
- aset kawalan bersama
- entiti kawalan bersama

Ciri biasa bagi semua usahasama ialah dua atau lebih pengusaha niaga yang terikat dengan perjanjian berkontrak yang membentuk kawalan bersama.

(ii) Koperasi perlu menyatakan aktiviti yang dibuat secara usahasama, cara penglibatan koperasi dalam usaha sama serta pihak-pihak yang terlibat. Pegangan kepentingannya dan penentuan agihan keuntungan/kerugian daripada usahasama tersebut juga perlu didedahkan dalam Nota kepada Akaun.

(iii) Nyatakan juga sebarang kontingen liabiliti jika ada yang berkaitan dengan pelaburan ini.

(iv) Koperasi hendaklah menghapus kira kerugian dengan segera dan sepenuhnya jika berlaku penjejasan nilai aset yang ketara (*impairment loss*) di mana amaun dibawa atau nilai buku bersih (*carrying value*) melebihi amaun yang boleh diperoleh semula (*recoverable amount*) atas punca-punca luaran atau dalaman[10].

---

9 Rujuk Piawaian MASB 16 atau MFRS 131

10 Rujuk Piawaian MASB 23 atau MFRS 136

DRAFT

(v) Nyatakan kelulusan daripada Suruhanjaya yang diperoleh bagi pelaburan usaha sama selaras dengan kehendak seksyen 54 Akta, Peraturan-Peraturan (Pelaburan) 2010, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM termasuk undang-undang kecil koperasi berkaitan.

g. Projek Dalam Pelaksanaan

(i) Nyatakan jenis projek yang dijalankan dan kos serta perbelanjaan yang terlibat. Projek yang dijangka akan siap dalam setahun sewajarnya ditunjukkan sebagai aset semasa.

(ii) Nyatakan dalam dasar-dasar perakaunan cara pengiktirafan pendapatan ke atas projek yang sedang berjalan sama ada atas dasar peratusan siap atau apabila siap projek tersebut. Sekiranya berasaskan peratusan siap, nyatakan juga bagaimana kaedah penetapan peratusan siap tersebut.

(iii) Baki unit aset yang belum terjual bagi projek yang telah siap sepenuhnya hendaklah diakaunkan sebagai inventori pada nilai kos.

(iv) Bagi projek yang tidak aktif atau terbengkalai melebihi satu tahun (bergantung kepada jenis kitaran projek), pihak koperasi hendaklah menghapus kira kerugian dengan segera dan sepenuhnya jika berlaku penjejasan nilai aset yang ketara (*impairment loss*) di mana amaun dibawa atau nilai buku bersih (*carrying value*) melebihi amaun yang boleh diperoleh semula (*recoverable amount*) atas punca-punca luaran atau dalaman[11].

---

[11] Rujuk Piawaian MASB 23 atau MFRS 136

h. Pinjaman/Pembiayaan (Anggota Dan Bukan Anggota)

(i) Amaun bayaran balik pinjaman/pembiayaan yang akan diterima dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kunci Kira-Kira hendaklah ditunjukkan di bawah Aset Semasa. Manakala bagi tempoh melebihi 12 bulan, ia hendaklah ditunjukkan di bawah Aset Bukan Semasa.

(ii) Pergerakan dalam akaun juga perlu ditunjukkan bagi setiap jenis pinjaman/pembiayaan termasuk persediaan hutang ragu/lapuk dengan mengasingkan pinjaman/pembiayaan jenis peribadi dengan perniagaan (*personal and business loan*). Apa-apa penghapusan kira hutang lapuk yang substantial amaunnya hendaklah dilaporkan dalam laporan berkanun lembaga sepertimana kehendak subseksyen 59(3) dan (4) Akta

(iii) Pinjaman/pembiayaan dikelaskan sebagai pinjaman/ pembiayaan tak berbayar, jika pinjaman/pembiayaan tidak dibayar selama 6 bulan atau lebih mulai dari hari pertama bayaran tidak dibuat. Bagi tempoh masa gagal membuat pembayaran antara 9 bulan tetapi kurang daripada 12 bulan perlu dibuat peruntukan hutang ragu sebanyak 50% manakala bagi yang 12 bulan dan ke atas, peruntukan hutang lapuk sebanyak 100% perlu dibuat (Pekeliling Ketua Pendaftar Bilangan 15 Tahun 2005 dirujuk).

DRAFT

i. Lain-lain Aset Bukan Semasa

Senaraikan butiran yang terkandung di bawah perkara ini termasuk deposit tetap tercagar dan jaminan bank. Bagi deposit tetap yang tercagar, perlu dinyatakan dalam Nota kepada Akaun tujuan ia dicagarkan.

j. Inventori

(i) Senaraikan inventori mengikut jenis dengan amaunnya. Contohnya inventori perniagaan, alatulis. Bagi inventori yang rosak/usang/tidak laku, hapuskira perlu dibuat sepenuhnya.

(ii) Nyatakan dalam dasar-dasar perakaunan, sama ada inventori dinilai pada kos atau harga pasaran.

(iii) Apa-apa perubahan dalam asas pentaksiran bagi kesemua atau mana-mana bahagian inventori perniagaan yang **memberi kesan yang material** hendaklah dilaporkan dalam Laporan Berkanun Lembaga sepertimana kehendak subseksyen 59(3) dan (4) Akta.

k. Penghutang Perdagangan

(i) Pergerakan dalam akaun perlu ditunjukkan bersekali dengan persediaan hutang ragu/lapuk. Senaraikan nama penghutang dengan amaunnya jika perlu.

(ii) Tertakluk kepada polisi kredit koperasi, peruntukan hutang ragu/waham hendaklah dibuat bagi penghutang yang tidak menunjukkan sebarang pergerakan melebihi setahun.

DRAFT

Bagaimanapun bagi penghutang yang sudah pasti tidak dapat dikutip, peruntukan hutang lapuk hendaklah dibuat.

Adalah digalakkan supaya pengumuran (*ageing*) dapat ditunjukkan dalam nota ini bagi maksud di atas.

Contoh persembahan bagi peruntukan hutang ragu/waham dan pengumuran ditunjukkan di **Lampiran 5 perenggan 4**.

(iii) Apa-apa penghapusan kira hutang lapuk yang substantial amaunnya hendaklah dilaporkan dalam laporan berkanun lembaga sepertimana kehendak subseksyen 59(3) dan (4) Akta.

I. Pelaburan Jangka Pendek

(i) Senaraikan pelaburan jangka pendek seperti bon jangka pendek, pasaran kewangan dan sekuriti tersedia untuk dijual.

(ii) Nyatakan kelulusan daripada SKM yang diperoleh bagi pelaburan ini selaras dengan kehendak seksyen 54 Akta, Peraturan-Peraturan (Pelaburan) 2010, peraturan, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM termasuk undang-undang kecil koperasi berkaitan.

(iii) Koperasi hendaklah menghapus kira kerugian dengan segera dan sepenuhnya jika berlaku penjejasan nilai aset yang ketara (*impairment loss*) di mana amaun dibawa atau nilai buku bersih (*carrying value*) melebihi amaun yang boleh diperoleh semula (*recoverable amount*) atas punca-punca luaran[12].

---

[12] Rujuk Piawaian MFRS 139

m. Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori / Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS)

Aset KWRS

Mengikut Pekeliling Suruhanjaya Bilangan 1 Tahun 2009, koperasi diminta mengasingkan KWRS ke dalam bentuk aset cair atau mudah cair yang selamat dan terjamin seperti deposit tetap ataupun pelaburan mudharabah bagi mewakili KWRS. Bagi aset yang mewakili KWRS, koperasi hendaklah menyenaraikan jenis dan amaun pelaburan yang dibuat daripada kumpulan wang tersebut dalam Nota kepada Akaun termasuk pelaburan dalam Akaun Deposit Koperasi [subseksyen 57(1E) Akta]. Koperasi hendaklah memastikan amaun minimum aset yang mewakili KWRS ini ialah lima belas peratus (15%) daripada jumlah KWRS pada setiap masa. Ia hendaklah juga ditunjukkan di bawah tajuk Aset Kumpulan Wang Rizab di bahagian Aset Semasa.

KWRS

Pergerakan dalam akaun KWRS perlu ditunjukkan dalam nota sekiranya terdapat pindahan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan atau pembayaran syer atau yuran atau penerbitan syer bonus dengan kelulusan Suruhanjaya daripada kumpulan wang ini [perenggan 57(1B)(a) dan (b) Akta dirujuk]. Bagi maksud pembayaran syer atau yuran atau penerbitan syer bonus, pihak koperasi juga diminta merujuk kepada Pekeliling SKM Bil. 1 dan Bil. 2 Tahun 2011.

n. Pelbagai Penghutang

(i) Perlu disenaraikan butiran pelbagai penghutang mengikut kategori dan deposit serta amaunnya.

(ii) Peruntukan hutang ragu/waham hendaklah dibuat bagi pelbagai penghutang tertentu yang tidak menunjukkan sebarang pergerakan melebihi setahun. Adalah digalakkan supaya pergerakan pengumuran (*ageing*) dapat ditunjukkan dalam nota ini bagi maksud di atas.

(iii) Apa-apa penghapusan kira hutang lapuk yang substantial amaunya hendaklah dilaporkan dalam laporan berkanun lembaga sepertimana kehendak subseksyen 59(3) dan (4) Akta.

o. Deposit Tetap/Pelaburan Mudharabah Dan Wang di Bank

(i) Senaraikan bank-bank yang terlibat dengan jenis pelaburan dan amaunnya.

(ii) Deposit tetap/Pelaburan Mudharabah yang tercagar hendaklah ditunjukkan di bawah aset bukan semasa.

(iii) Nyatakan had wang di tangan seperti yang ditetapkan oleh anggota Lembaga koperasi. Jika baki wang di tangan melebihi had, nyatakan tarikh wang tersebut dibankkan selepas tarikh Kunci Kira-Kira.

p. Pemiutang Perdagangan

Pergerakan dalam akaun perlu ditunjukkan. Senaraikan nama-nama pemiutang dan amaunnya, jika perlu.

DRAFT

q. Simpanan / Deposit

Akaun ini adalah berkaitan dengan GP 9 (Panduan Mengenai Pengambilan Simpanan Khas Dan Deposit Atau Penerimaan Pinjaman). Pergerakan dalam akaun dan kadar pulangan atas simpanan/deposit perlu ditunjukkan dalam Nota kepada Akaun dan dicajkan kepada Akaun Untung Rugi.

r. Pinjaman Luar

(i) Amaun pinjaman yang perlu dijelaskan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Kunci Kira-Kira hendaklah ditunjukkan di bawah Liabiliti Semasa. Manakala bagi tempoh melebihi 12 bulan, ia hendaklah ditunjukkan di bawah Liabiliti Bukan Semasa.

(ii) Maklumat berkaitan pinjaman iaitu nama institusi kewangan termasuk Tabung Modal Pusingan SKM atau lain-lain pinjaman daripada Tabung/Dana yang diwujudkan oleh SKM, jumlah pinjaman, kadar faedah, tempoh bayaran balik, tarikh mula bayaran dan tujuan pinjaman perlu dinyatakan.

(iii) Pergerakan dalam akaun termasuk faedah pinjaman/caj pembiayaan yang dikenakan dalam tahun semasa juga perlu ditunjukkan bagi setiap jenis pinjaman.

(iv) Bagi persembahan akaun pinjaman yang menunjukkan faedah keseluruhan maka faedah yang belum lunas perlu ditolak daripada jumlah pinjaman.

DRAFT

(v) Bagi pinjaman yang melibatkan bukan anggota kecuali daripada SKM (bank, mana-mana institusi kewangan atau mana-mana badan atau mana-mana orang), nyatakan sama ada kelulusan SKM telah diperoleh selaras dengan kehendak perenggan 50(e) Akta Koperasi.

(vi) Bagi kawalan ke atas had pinjaman luar, koperasi hendaklah mengikut ketetapan seperti dinyatakan dalam GP 9 (Garis Panduan Mengenai Pengambilan Simpanan Khas Dan Deposit Atau Penerimaan Pinjaman).

s. Fi Audit Suruhanjaya, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, Dividen Dan Honorarium

Nota hendaklah disediakan bagi menunjukkan pergerakan akaun (termasuk pindahan daripada Akaun Pembahagian Keuntungan) untuk setiap satu perkara.

t. Amaun Terhutang Kepada Syarikat Berkaitan

Senaraikan amaun yang terhutang kepada setiap syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu oleh koperasi.

u. Pelbagai Pemiutang

Perlu disenaraikan butiran pelbagai pemiutang mengikut kategori dan amaunnya.

v. Overdraf Bank

Nyatakan nama institusi kewangan, had overdraf bank yang diperoleh, kadar faedah yang dikenakan serta aset yang dicagarkan.

w. Modal Syer Anggota, Syer Bonus Dan Modal Yuran Anggota

(i) Maklumat berkaitan bilangan anggota dan pergerakan akaun perlu ditunjukkan dalam Nota kepada Akaun seperti di **Lampiran 5 perenggan 5**.

(ii) Bagi koperasi yang menjalankan aktiviti pinjaman/pembiayaan kepada anggotanya, sumber dana adalah melalui kutipan yuran daripada anggota menurut perenggan 50(c) Akta.

(iii) Menurut perenggan 57(1B)(a) Akta, pembayaran syer atau yuran adalah dibenarkan daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori tertakluk kepada peraturan-peraturan dan undang-undang kecil.

(iv) Nota kepada Akaun perlu memperincikan syer bonus yang diterbitkan sama ada daripada:

- keuntungan modal yang diperoleh daripada penjualan tanah/bangunan sebagai aset tetap [subseksyen 55(2) Akta]
- keuntungan modal yang diperoleh daripada penilaian semula tanah/bangunan sebagai aset tetap [subseksyen 55(4) Akta]
- Syer bonus yang ditebus [subseksyen 55(5) Akta]
- Syer bonus yang diterbitkan daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori [perenggan 57(1B)(b) Akta]
- Syer yang ditebus daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori [Undang-Undang Kecil Koperasi]

Contoh persembahan bagi syer bonus adalah seperti di **Lampiran 5 perenggan 5**.

(v) Daftar syer bonus perlu diadakan selaras dengan kehendak subseksyen 55(6) Akta dengan memperincikan punca terbitan syer bonus iaitu sama ada daripada penjualan tanah atau bangunan sebagai aset tetap; penilaian semula tanah atau bangunan sebagai aset tetap; syer bonus yang ditebus; syer bonus yang diterbitkan daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori atau syer yang ditebus daripada Kumpulan Wang Penebusan Syer dan Kumpulan Wang Rizab Statutori. Penerbitan syer bonus di bawah seksyen 55 dan perenggan 57(1B)(b) Akta adalah masing-masing tertakluk kepada kelulusan SKM mengikut peraturan 28 Peraturan dan juga Pekeliling SKM Bil. 2 Tahun 2011. Manakala penerbitan syer bonus daripada syer yang ditebus adalah tertakluk kepada kelulusan mesyuarat agung sepertimana yang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil Koperasi.

x. Modal Syer Ditebus dan Modal Syer Bonus Ditebus

Bagi akaun Modal Syer Ditebus, perlu ditunjukkan pergerakan akaun sekiranya terdapat penebusan syer melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS) atau Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) dan penjualan syer koperasi kepada anggota.

Catatan Akaun Yang Terlibat Semasa Penebusan Syer Melalui KWPS atau KWRS

(i) Anggota Berhenti

Debit : KWPS / KWRS	*xx*	
Kredit : Bank		*xx*
Debit : Modal Syer	*xx*	
Kredit : Modal Syer Ditebus		*xx*

(ii) <u>Anggota Baru/Tambah Syer</u>

Debit : Bank	*xx*	
Kredit : KWPS / KWRS		*xx*
*Debit : Modal Syer Ditebus**	*xx*	
Kredit : Modal Syer		*xx*

(Tertakluk kepada baki yang ada. Sekiranya tiada baki lagi, maka catatan akaun yang terlibat ialah: Debit - Bank dan Kredit - Modal Syer)*

Bagi akaun Modal Syer Bonus Ditebus pula, perlu ditunjukkan pergerakan akaun sekiranya terdapat penebusan syer bonus melalui Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus dan penerbitan semula syer bonus kepada anggota.

y. Akaun Rizab Modal

Perlu diasingkan dalam akaun keuntungan modal yang diperoleh daripada penjualan tanah/bangunan sebagai aset tetap dan penilaian semula tanah/bangunan sebagai aset tetap kerana kaedah pengeluaran syer bonusnya adalah berbeza [rujuk subseksyen 55(1) Akta]. Bagi koperasi yang mengalami kerugian terkumpul, pelarasan hendaklah dibuat dengan Akaun Rizab Modal (hasil daripada penjualan aset tanah dan bangunan) menurut perenggan 55(2)(b) Akta.

DRAFT

z. Akaun Rizab Penilaian Semula

Akaun ini wujud daripada kenaikan dalam nilai aset tetap (tanah dan bangunan) yang dinilaikan mengikut FRS 116 menggunakan kaedah nilai saksama (*fair value),* nilai pelaburan syer dan pelaburan hartanah yang dikreditkan ke Akaun Rizab Penilaian Semula selaras dengan piawaian perakaunan MASB Approved IAS 25 (*International Accounting Standard*).

Baki Akaun Rizab Penilaian Semula hanya boleh dipindahkan sama ada ke Akaun Untung Rugi atau Akaun Keuntungan Terkumpul apabila berlaku penjualan pelaburan tersebut.

aa. Kumpulan Wang Penebusan Syer Dan Syer Bonus

Nota hendaklah disediakan sekiranya terdapat pergerakan dalam kumpulan wang ini.

ab. Kumpulan Wang/Tabung (Anggota)

(i) Kumpulan Wang/Tabung yang diwujudkan khusus untuk memberi manfaat kepada anggota koperasi. (contohnya Kumpulan Wang Kebajikan, Kumpulan Wang Pendidikan, Kumpulan Wang Khairat Kematian) ditunjukkan sebagai sebahagian daripada Kumpulan Wang Anggota. Pergerakan akaun setiap kumpulan wang perlu ditunjukkan.

(ii) Koperasi hendaklah memastikan bahawa penggunaan kumpulan wang ini tidak boleh melebihi daripada baki yang ada hingga menyebabkan ia menjadi baki negatif.

DRAFT

ac. Kumpulan Wang /Tabung (Bukan Anggota)

(i) Bagi Kumpulan Wang/Tabung yang diwujudkan khusus untuk memberi faedah kepada pekerja-pekerja atau pihak-pihak lain selain daripada anggota (contohnya Kumpulan Wang Faedah Persaraan Pekerja, Kumpulan Wang Derma), ia hendaklah ditunjukkan di antara Kumpulan Wang Anggota dan Liabiliti Bukan Semasa.

(ii) Koperasi hendaklah memastikan bahawa penggunaan kumpulan wang ini tidak boleh melebihi daripada baki yang ada hingga menyebabkan ia menjadi baki negatif.

ad. Lain-lain Liabiliti

Senaraikan butiran lain-lain liabiliti dan amaunnya.

16. Perkara lain yang perlu dimasukkan dalam Nota kepada Akaun selain daripada butiran dalam Kunci Kira-Kira ialah :-

Nota	**Tajuk**	**Perkara yang perlu dimasukkan**
1.	Maklumat Umum	Kegiatan-kegiatan utama dan alamat berdaftar koperasi.
2.	Asas Penyediaan Penyata Kewangan	Disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia, Akta dan Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi.
3.	Tarikh Pengesahan Penyata Kewangan	Tarikh penyata kewangan disahkan oleh Lembaga Koperasi (tarikh tandatangan pada Laporan Berkanun Lembaga).

4.	Polisi Risiko Pengurusan Kewangan	Risiko berkaitan kredit, matawang, kadar keuntungan, pasaran, kecairan dan aliran tunai, nilai saksama yang mana berkaitan. Contoh seperti di **Lampiran 5 perenggan 6.**
5.	Ringkasan Kepada Polisi Perakaunan Penting	Perlu menyatakan dasar-dasar perakaunan dan asas-asas pengukuran yang digunakan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan belanja dalam penyediaan penyata kewangan.

Selain daripada maklumat di atas, koperasi juga perlu memasukkan perkara berikut dalam Nota kepada Akaun:

(a) Penyata kewangan perlu disediakan berasaskan usaha berterusan melainkan Lembaga koperasi bercadang sama ada untuk membubarkan perusahaan atau menamatkan perdagangan, atau tidak ada alternatif yang realistik melainkan berbuat demikian.

Apabila penyata kewangan tidak disediakan berasaskan usaha berterusan, fakta tersebut perlu didedahkan, bersama-sama dengan asas yang digunakan untuk menyediakan penyata kewangan dan alasan mengapa koperasi tidak dianggap sebagai suatu usaha berterusan.

(b) Pendedahan tentang liabiliti luarjangka, komitmen, atau kejadian selepas tarikh Kunci Kira-Kira yang boleh memberi kesan kepada akaun tahun berikutnya.

DRAFT

(c) Keputusan edaran surat-surat pengesahan ke atas baki akaun.

(i) modal syer;
(ii) modal yuran; dan
(iii) pinjaman/pembiayaan anggota

(d) Bilangan pekerja koperasi.

(e) Maklumat perbandingan berhubung tempoh terdahulu bagi semua maklumat berangka perlu ditunjukkan.

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN

17. Mengikut subseksyen 57(5) Akta, koperasi boleh menggunakan baki untung bersihnya (selepas menghapus kira sepenuhnya kerugian terkumpul, jika ada, dan pemindahan Kumpulan Wang Rizab Statutori serta bayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi) bagi maksud berikut :-

(a) pembayaran potongan langganan
(b) pembayaran dividen atas syer dan yuran anggota
(c) pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga koperasi
(d) pembayaran untuk kebajikan anggotanya dan masyarakat

18. Bagi pengiraan pembahagian berkanun iaitu Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, ia hendaklah dibundarkan kepada ringgit terdekat.

DRAFT

19. Perenggan 57(5)(b) Akta juga membenarkan koperasi menggunakan mana-mana sumber iaitu akaun rizab am, keuntungan terkumpul dan kumpulan wang penyamaan dividen untuk pembayaran dividen tidak melebihi 10% (termasuk dividen daripada untung bersih teraudit) dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada SKM – rujuk GP 2 : Garis Panduan Mengenai Pembayaran Dividen Di Bawah Perenggan 57(5)(b) Akta.

20. Koperasi perlu menunjukkan dalam Akaun Pembahagian Keuntungan butiran cadangan pembahagian dalam akaun tahun semasa bagi membolehkan pembentangan dibuat dalam mesyuarat agung tahunan untuk mendapatkan kelulusan selaras dengan kehendak perenggan 14(1)(c) Peraturan.

21. Antara butiran yang lazim ditunjukkan dalam Akaun Pembahagian Keuntungan adalah seperti di **Lampiran 2**.

Pelarasan Operasi Dan Bukan Operasi

22. Dari segi persembahan akaun, pelarasan operasi hendaklah ditunjukkan sebelum pembahagian berkanun kerana ia melibatkan akaun hasil yang ada kaitan dengan Akaun Perdagangan atau Akaun Untung Rugi. Pelarasan operasi merujuk kepada kesilapan atau ketinggalan yang berlaku tahun sebelumnya yang ada kaitan dengan akaun hasil sahaja. Penghapusan penghutang atau peruntukan rosotnilai bukan merupakan pelarasan operasi dan perlu dicajkan ke Akaun Untung Rugi menurut seksyen 56 Akta. **Walau bagaimanapun, sekiranya pelarasan tersebut melibatkan lebih daripada satu tahun kewangan kebelakang, ia harus diambil kira sebagai pelarasan bukan operasi bagi mengelakkan pelaporan yang tidak tepat.**

Contohnya: belian terlebih diambil kira, perbelanjaan tidak diambil kira dan sebagainya.

23. Bagi pelarasan bukan operasi, kedudukannya adalah selepas lain-lain pembahagian kerana ia terdiri daripada akaun bukan hasil yang tiada kaitan dengan Akaun Perdagangan atau Akaun Untung Rugi. Contohnya adalah seperti berikut:

(a) honorarium, dividen, Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi atau Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi terkurang/terlebih diperuntukkan;

(b) pindahan daripada Akaun Rizab Am dan Kumpulan Wang Penyamaan Dividen untuk pembayaran tambahan dividen daripada mana-mana sumber;

(c) pelarasan berkaitan geran/bantuan yang tidak khusus tujuan penggunaannya; dan

(d) pampasan ke atas kerugian/kerosakan yang dialami yang diterima pada tahun kewangan berikutnya.

24. Pelarasan tahun lepas sama ada berkaitan dengan operasi atau bukan operasi hendaklah ditunjukkan di Akaun Pembahagian Keuntungan supaya segala pelarasan yang melibatkan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi dapat ditentukan dengan jelas. Ini dapat mengelakkan daripada berlakunya perbezaan baki antara rekod koperasi dengan SKM bagi kedua-dua kumpulan wang tersebut.

DRAFT

Cara Pengiraan Pembahagian Berkanun

25. <u>Untuk Koperasi Sekolah</u>

Melalui Perintah pengecualian daripada SKM, koperasi sekolah hanya perlu membuat pindahan ke Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS). Bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah **dikecualikan**.

Kadar pemindahan kepada KWRS adalah tertakluk kepada perenggan 57(1)(b) Akta, Perintah Pemindahan Kepada KWRS Di Bawah Subseksyen 57(1A) Akta dan GP 1 (Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Subseksyen 57(1A) Dan Perenggan 57(1)(b) Akta) seperti berikut:

	Kedudukan KWRS	**Pemindahan kepada KWRS**
i.	KWRS kurang daripada 50% daripada syer dan yuran	Tidak kurang daripada 25% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi). **Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2012, tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi). Pindahan selepas tahun kewangan 2012 adalah tertakluk kepada Perintah SKM atau perubahan pada peruntukan Akta.**
ii.	KWRS adalah 50% tetapi kurang daripada 100% syer dan yuran	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi).
iii.	KWRS adalah 100% atau lebih daripada syer dan yuran	Dikecualikan.

DRAFT

26. <u>Untuk Koperasi Dewasa</u>

(a) Bagi koperasi yang untung bersihnya selepas pelarasan operasi kurang daripada RM50,000

Adalah **dikecualikan** daripada membayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (rujuk Perintah Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Perintah Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi bertarikh 6 November 2009) **berkuatkuasa mulai tahun kewangan berakhir 30 Jun 2009**.

Agihan hanya perlu dibuat kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori mengikut perenggan 57(1)(b) Akta, Perintah Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Subseksyen 57(1A) Akta dan GP 1 (Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Subseksyen 57(1A) Dan Perenggan 57(1)(b) Akta) seperti berikut:

	Kedudukan KWRS	**Pemindahan kepada KWRS**
i.	KWRS kurang daripada 50% daripada syer dan yuran	Tidak kurang daripada 25% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi). **Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2012, tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi). Pindahan selepas tahun kewangan 2012 adalah tertakluk kepada Perintah SKM atau perubahan pada peruntukan Akta.**

DRAFT

ii.	KWRS adalah 50% tetapi kurang daripada 100% syer dan yuran	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi).
iii.	KWRS adalah 100% atau lebih daripada syer dan yuran	Secara sukarela.

(b) Bagi koperasi yang mempunyai untung bersih selepas pelarasan operasi RM50,000 dan ke atas serta kerugian terkumpul pada awal tahun

Penentuan hendaklah dibuat bagi memastikan sama ada untung bersih semasa selepas pelarasan operasi dapat menghapus kira sepenuhnya kerugian terkumpul.

Sekiranya **kerugian terkumpul masih wujud**, maka sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi tidak perlu dibuat sebagaimana yang ditetapkan dalam subseksyen 57(7) Akta .

Agihan hanya perlu dibuat kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori mengikut perenggan 57(1)(b) Akta, Perintah Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Subseksyen 57(1A) Akta dan GP 1 (Garis Panduan Mengenai Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Subseksyen 57(1A) Dan Perenggan 57(1)(b) Akta) seperti berikut:

DRAFT

	Kedudukan KWRS	Pemindahan kepada KWRS
i.	KWRS kurang daripada 50% daripada syer dan yuran	Tidak kurang daripada 25% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi). **Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2012, tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi). Pindahan selepas tahun kewangan 2012 adalah tertakluk kepada Perintah SKM atau perubahan pada peruntukan Akta.**
ii.	KWRS adalah 50% tetapi kurang daripada 100% syer dan yuran	Tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi).
iii.	KWRS adalah 100% atau lebih daripada syer dan yuran	Secara sukarela.

Sebaliknya jika **kerugian terkumpul dapat dihapus kira sepenuhnya**, pengiraan sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%) dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (1%) adalah **berdasarkan baki untung bersih semasa selepas ditolak kerugian terkumpul** selaras dengan subseksyen 57(7) Akta.

DRAFT

Manakala pengiraan pindahan ke Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) adalah seperti berikut :

25% atau 15% daripada untung bersih selepas pelarasan operasi (bergantung kepada amaun KWRS berbanding dengan syer dan yuran) *		xxxx
Tolak :		
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	(2%)**	x
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(1%)	x
Amaun yang perlu dipindahkan ke Kumpulan Wang Rizab Statutori		xx

* **Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2012, pemindahan kepada KWRS adalah tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi)** mengikut Perintah Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Subseksyen 57(1A) Akta. **Pindahan selepas tahun kewangan 2012 adalah tertakluk kepada Perintah SKM atau perubahan pada peruntukan Akta.**

** **Manakala bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2011 hingga 30 September 2013 adalah sebanyak 1% daripada untung bersih teraudit** mengikut Perintah Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bertarikh 27 Julai 2011. **Kadar bayaran selepas tahun kewangan berakhir 30 September 2013 adalah tertakluk kepada Perintah SKM.**

DRAFT

CONTOH PENGIRAAN PEMBAHAGIAN BERKANUN BAGI KEADAAN *(b)*

		RM
Untung Bersih Tahun Semasa		120,000
Tolak : Pelarasan Operasi		(20,000)
Untung Bersih Selepas Pelarasan Operasi		100,000
Tolak : Kerugian Terkumpul Pada Awal Tahun		(30,000)
Untung Bersih Selepas Kerugian Terkumpul		70,000
Tolak : Pembahagian Berkanun (15%)*		
Kumpulan Wang Rizab Statutori (RM15,000 - RM1,400 – RM700)		12,900
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (RM70,000 x 2%)	2%	1,400
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (RM70,000 x 1%)	1%	700
(15% x RM100,000)		15,000
Untung Selepas Pembahagian Berkanun		55,000

* Sekiranya KWRS adalah 60% daripada syer dan yuran.

DRAFT

(c) *Bagi koperasi yang mempunyai untung bersih selepas pelarasan operasi RM50,000 dan ke atas serta tiada kerugian terkumpul pada awal tahun*

Pengiraan untuk Kumpulan Wang Rizab Statutori, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi adalah mengikut kehendak subseksyen 57(4) Akta seperti berikut:

Kumpulan Wang Rizab Statutori	**22% atau 12% atau sukarela** daripada untung bersih selepas pelarasan operasi (bergantung kepada amaun KWRS berbanding dengan syer dan yuran)*
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	2% daripada untung bersih selepas pelarasan operasi**
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	1% daripada untung bersih selepas pelarasan operasi

* **Bagi tahun kewangan 2009 hingga 2012, pemindahan kepada KWRS adalah tidak kurang 15% daripada untung bersih teraudit (selepas pelarasan operasi)** mengikut Perintah Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori Di Bawah Subseksyen 57(1A) Akta. **Pindahan selepas tahun kewangan 2012 adalah tertakluk kepada Perintah SKM atau perubahan pada peruntukan Akta.**

** **Manakala bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2011 hingga 30 September 2013 adalah sebanyak 1% daripada untung bersih teraudit** mengikut Perintah Pembayaran Kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bertarikh 27 Julai 2011. **Kadar bayaran selepas tahun kewangan berakhir 30 September 2013 adalah tertakluk kepada Perintah SKM.**

DRAFT

Dalam keadaan di mana koperasi memilih untuk tidak membuat pindahan kepada KWRS kerana telah mencapai 100% atau lebih daripada syer dan yuran, koperasi masih perlu membayar kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

(d) Koperasi yang mengalami kerugian bersih semasa selepas pelarasan operasi

Tidak perlu membuat sebarang agihan kepada pembahagian berkanun dan juga tidak dibenarkan membuat pembahagian lain mengikut subseksyen 57(6) Akta.

Lain-Lain Pembahagian

27. Pembahagian keuntungan hanya dibenarkan jika koperasi memperoleh keuntungan bersih semasa (selepas pelarasan operasi) dan tiada kerugian terkumpul sepertimana yang ditetapkan dalam subseksyen 57(6) dan (7) Akta. Butiran agihan keuntungan adalah tertakluk kepada peruntukan subseksyen 57(5) Akta dan Undang-undang Kecil Koperasi itu sendiri.

28. Walau bagaimanapun terdapat pengecualian dalam subseksyen 57(8) Akta di mana koperasi boleh menggunakan untung bersih semasa untuk membayar dividen tidak lebih daripada 5% atas jumlah syer atau yuran anggota atau kedua-duanya dengan kelulusan SKM walaupun mengalami kerugian terkumpul.

29. Namun begitu, sebelum koperasi membuat lain-lain pembahagian seperti dinyatakan di perenggan 27, koperasi disarankan membuat peruntukan cukai jika perlu dan zakat perniagaan.

Peruntukan Cukai

30. Mengikut Akta Cukai Pendapatan 1967 di bawah Jadual 6 para 12 mulai tahun taksiran 1997, pengecualian cukai adalah diberikan ke atas pendapatan koperasi sekiranya diperolehi dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pendaftaran Koperasi dan jika selepas itu, Kumpulan Wang Anggota koperasi pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran kurang daripada RM 750,000.00.

31. Dalam pengiraan pendapatan yang boleh dikenakan cukai, koperasi diberi potongan di bawah seksyen 65A(a) dan (b) Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana koperasi boleh menolak daripada jumlah pendapatan untuk tahun tersebut:

(a) amaun yang dipindah atau dibayar kepada Kumpulan Wang Rizab Berkanun* atau institusi pelajaran atau pertubuhan koperasi atau kedua-duanya dengan syarat amaun maksimum yang ditolak tidak melebihi ¼ daripada untung bersih teraudit dan

(b) suatu jumlah bersamaan 8% daripada Kumpulan Wang Anggota (termasuk Kumpulan Wang Rizab Berkanun*) pada hari pertama tempoh asas bagi tahun taksiran.

(* Kumpulan Wang Rizab Berkanun sama dengan Kumpulan Wang Rizab Statutori)

Peruntukan Zakat perniagaan

32. Pengiraan zakat perniagaan ini hendaklah dibuat apabila ia cukup haul (biasanya setahun) dan cukup nisab. Koperasi boleh memilih dua kaedah di bawah dalam pengiraan zakat iaitu[13]:-

---

[13] Rujuk Manual Zakat terbitan Jabatan Perdana Menteri

(a) **Kaedah Model Berkembang (*Growth Model*)**

Aset yang dikenakan zakat = Ekuiti Pemilik + Liabiliti J/Panjang – Aset Tetap – Aset Separa Tetap – Aset Semasa +/- Pelarasan * x % pemilikan syer dan yuran muslim x 2.5%

(b) **Kaedah Model Modal Kerja (*Working Capital*)**

Aset yang dikenakan zakat = Aset Semasa – Liabiliti Semasa +/- Pelarasan * x % pemilikan syer dan yuran muslim x 2.5%

33. Pelarasan yang bertanda* di atas adalah dicampur atau ditolak dalam pengiraan zakat kerana tidak mematuhi syarat-syarat untuk dikenakan zakat seperti yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa zakat negeri. Oleh itu, koperasi adalah dinasihatkan supaya merujuk terus kepada pihak berkuasa zakat negeri dalam pengiraan zakat yang betul dan tepat.

34. Bagaimanapun sekiranya koperasi mengakaunkan zakat yang dibayar dalam Akaun Untung Rugi, ia dibenarkan oleh garis panduan ini.

35. Koperasi hendaklah menyatakan dalam Nota kepada Akaunnya, kaedah yang digunapakai dalam pengiraan zakatnya.

Dividen

36. Mengikut Arahan SKM Bilangan 1 Tahun 2011, kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran oleh koperasi selain daripada koperasi yang diiktiraf sebagai ’co-opbank’ hendaklah tidak melebihi 10% setahun kecuali dengan kelulusan bertulis daripada SKM. Manakala koperasi yang diiktiraf sebagai ’co-opbank’, apa-apa kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran anggota adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis daripada SKM.

37. Perenggan 57(5)(b) Akta juga membenarkan koperasi menggunakan mana-mana sumber iaitu akaun rizab am, keuntungan terkumpul dan kumpulan wang penyamaan dividen untuk pembayaran dividen tidak melebihi 10% (termasuk dividen daripada untung bersih teraudit) dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada SKM – rujuk GP 2 : Garis Panduan Mengenai Pembayaran Dividen Di Bawah Perenggan 57(5)(b) Akta.

Honorarium Lembaga

38. Amaun pembayaran honorarium kepada anggota Lembaga koperasi adalah tertakluk kepada kelulusan SKM mengikut kehendak perenggan 57(5)(c) Akta.

AKAUN UNTUNG RUGI

39. Maklumat yang perlu ditunjukkan pada Akaun Untung Rugi adalah seperti di **Lampiran 3**.

40. Nota kepada Akaun juga perlu diadakan bagi menjelaskan cara bagaimana pengiktirafan pendapatan diambil kira dalam akaun untung rugi. Selain dari itu, koperasi juga dikehendaki mendedahkan pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti skim pelaburan khas mengikut GP 10.

41. Bagi pembiayaan secara Islam yang diberi kepada anggota, disarankan keuntungan ke atasnya hendaklah diagihkan mengikut tempoh pembiayaan tersebut dan bukannya diiktiraf semuanya dalam tahun pembiayaan diberi.

42. Dalam Akaun Untung Rugi Induk, koperasi hanya perlu menunjukkan jumlah pendapatan dan jumlah perbelanjaan aktiviti mengikut jenisnya. Pecahan aktiviti adalah seperti di **Lampiran 3**.

DRAFT

43. Keterangan lanjut berkaitan jenis aktiviti adalah seperti berikut :

Bil.	Jenis Aktiviti		Keterangan
i.	Kredit	-	Pinjaman/pembiayaan hanya mengambilkira faedah/keuntungan dan bayaran proses pinjaman/caj perkhidmatan.
ii.	Pemborongan dan peruncitan	-	Perniagaan kedai runcit dan pasaraya.
iii.	Stesen Minyak	-	Pengurusan stesen minyak.
iv.	Perindustrian	-	Koperasi industri kampong (KIK), industri kecil dan sederhana (IKS), perkilangan dan pembuatan barang.
v.	Ternakan	-	Binatang peliharaan seperti ayam, kambing, lembu, burung dan sebagainya. Cadang akuakultur
vi.	Pembangunan Hartanah	-	Projek Pembinaan dan pembangunan hartanah.
vii.	Kontrak	-	Hak untuk menjalankan/ menguruskan perdagangan/ projek seperti Buah Tandan Baru (BTB), Buah Tandan Segar (BTS), Pusat Mengumpul Getah (PMG), jual beli getah, infrastraktur dan pembekalan.
viii.	Pengangkutan	-	Berkaitan kenderaan bermotor seperti teksi, bas, lori, bot, sewa permit dan lain-lain.

DRAFT

ix.	Akuakultur	-	Penternakan atau pemeliharaan hidupan laut seperti kerang, ikan, udang dan kepah.
x.	Perkhidmatan	-	Dobi, tadika, restoran/kantin, fotostat, komisen insurans, pengurusan dan lain-lain perkhidmatan.
xi.	Pertanian	-	Pengusahaan tanah dengan hasil pertanian. Contoh : tanaman getah, kelapa sawit, nenas dan lain-lain tanaman.
xii.	Usaha sama	-	Perusahaan (kegiatan, penghasilan, perniagaan) yang diusahakan bersama oleh dua atau beberapa pengusaha (syarikat dll) sebagai suatu perkongsian.
xiii.	Pelaburan	-	Dividen, jualan pelaburan, faedah simpanan, sewa bangunan, hasil pajakan dan lain-lain yang ada kaitan dengan pelaburan.
xiv.	Lain-lain Aktiviti Pengguna	-	Jual/beli barangan pengguna (contoh: perabut,barang elektrik, motosikal, tayar) selain daripada aktiviti kedai/pasaraya dan stesen minyak.
xv.	Ar-Rahnu/Pajak Gadai	-	Aktiviti pajak gadai Islam dan konvensional.
xvi.	Pelancongan	-	Agen pelancongan, hotel, inap desa (*homestay)* dan lain-lain.
xvii.	Kesihatan	-	Pusat dialisis, klinik kesihatan, spa, refleksologi dll.
xviii.	Lain-lain Aktiviti	-	Lain-lain komisen, sewa selain daripada tanah/bangunan, pembalakan dll.

DRAFT

44. **Nota kepada Akaun atau Akaun perlu disediakan bagi setiap aktiviti yang dijalankan oleh koperasi untuk menunjukkan perincian pendapatan dan perbelanjaan aktiviti.** Bagi aktiviti yang menjalankan perniagaan, Akaun Perdagangan perlu disediakan dengan menunjukkan butiran berikut :

Jualan	xxxx
Inventori Awal	xx
Campur : Belian	xxx
	xxxx
Tolak : Inventori Akhir	xx
Kos Jualan	xxx
Untung/(Rugi) Kasar	xx

45. Di bawah tajuk perbelanjaan dalam Akaun Untung Rugi, antara butiran penting yang perlu dimasukkan (di mana yang berkaitan) setelah mengambilkira peruntukan seksyen 56 Akta ialah :-

(a) Fi Audit SKM
(b) Perbelanjaan Lembaga
(c) Kos Pembiayaan/Faedah Pinjaman
(d) Peruntukan Hutang Lapuk/Ragu
(e) Susutnilai Aset
(f) Rosotnilai Pelaburan
(g) Belanja Mesyuarat Agung
(h) Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan

DRAFT

46. Bagi Pelbagai Pendapatan dan Pelbagai Perbelanjaan, koperasi boleh sama ada menyenaraikannya dalam Akaun Untung Rugi ataupun menunjukkannya secara berasingan dalam Nota kepada Akaun. Satu analisis belanja yang menggunakan klasifikasi berdasarkan kepada sifat belanja adalah digalakkan. Contohnya : keraian, belanja utiliti, alatulis dan sebagainya.

47. Nota kepada Akaun juga perlu disediakan bagi perbelanjaan Lembaga secara individu selaras dengan subperaturan 31(2) Peraturan bagi memperincikan butiran perbelanjaan Lembaga. Contoh adalah seperti di **Lampiran 5 perenggan 7**.

48. Bagi perkara luarbiasa seperti pampasan tanah (bukan aset tetap), maklumat tambahan perlu diberikan dalam bentuk Nota kepada Akaun bagi menjelaskannya.

PENYATA ALIRAN TUNAI

49. Penyata Aliran Tunai adalah penyata menunjukkan aliran tunai masuk dan keluar. Ia memberi maklumat berkaitan kecairan dan kebolehubahan (*flexibility*) kewangan bagi sesebuah koperasi. Penyata ini juga menyediakan maklumat asas tentang keupayaan koperasi menjana tunai atau setara tunai dan keperluan menggunakannya[14].

50. Pelaporan penyata ini boleh disediakan dengan menggunakan kaedah secara langsung atau kaedah secara tidak langsung. Oleh itu, koperasi perlulah menyatakan dalam Nota kepada Akaun kaedah yang digunakan bagi menyediakan penyata ini.

---

[14] Rujuk Piawaian MASB 5 atau MFRS 107

51. Bagi maksud di perenggan 50, garis panduan ini telah memilih kaedah secara tidak langsung dalam penyediaan penyata aliran tunai. Contoh format kaedah ini adalah seperti di **Lampiran 4**.

LAIN-LAIN

52. Format penyata kewangan yang ditunjukkan ini adalah merupakan keperluan minimum yang perlu diikuti oleh koperasi. Sekiranya terdapat butiran tambahan yang material (selain daripada butiran yang ditunjukkan dalam format), koperasi hendaklah menunjukkannya secara berasingan dalam penyata kewangan. Butiran tidak material perlu dikumpulkan dengan amaun bagi sifat yang serupa dan tidak perlu dibentangkan secara berasingan.

53. Bagi koperasi yang mempunyai subsidiari, **akaun subsidiari hendaklah disatukan dalam akaun kumpulan** bagi akaun untung rugi dan kunci kira-kira sepertimana kehendak subseksyen 59(5) Akta supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang prestasi dan kedudukan kewangan secara kumpulan. Penyediaan penyata kewangan yang disatukan adalah juga tertakluk kepada kehendak piawaian [15].

54. Koperasi dikehendaki mempersembahkan akaun mengikut turutan kod akaun, namun penyata kewangan yang dibentangkan dalam mesyuarat agung **tidak perlu menyatakan kod akaun** di dalamnya.

---

[15] Rujuk Piawaian MASB 11 atau MFRS 127

Tempoh Pelaporan

55. Penyata kewangan hendaklah disediakan untuk diaudit sekurang-kurangnya setahun sekali bagi satu tempoh tahun kewangan seperti mana kehendak subseksyen 60(1) Akta. Bagi koperasi yang baru daftar, tempoh tahun kewangan pertama adalah tidak lewat daripada 18 bulan selepas pendaftarannya sepertimana kehendak subseksyen 59(1) Akta.

56. Bagaimanapun dalam keadaan di mana berlaku perubahan pada tahun kewangan (akibat pindaan undang-undang kecil koperasi), tempoh pelaporan penyata kewangan akan berubah dan meliputi satu tempoh sama ada terlebih atau terkurang daripada satu tahun. Perubahan ini hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Nota kepada Akaun dan koperasi dikehendaki memastikan pematuhan terhadap subseksyen 59(1() Akta iaitu pembentangan penyata kewangan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun kalendar.

57. Sebagai contoh, Koperasi ABC Berhad telah meminda tahun kewangannya daripada tempoh berakhir 30 Jun (1 Julai hingga 30 Jun) kepada 31 Mac (1 April hingga 31 Mac) dan permohonan pindaan Undang-Undang Kecilnya telah diluluskan pada 13 Jun 2011. Manakala akaun terakhir diaudit ialah 30 Jun 2010.

Gambaran pindaan tahun kewangan adalah seperti berikut:



DRAFT

Dalam kes ini, koperasi perlu menyediakan penyata kewangan berakhir 30 Jun 2011 (1 Julai 2010 hingga 30 Jun 2011) dan diikuti dengan penyata kewangan berakhir 31 Mac 2012 (1 Julai 2011 hingga 31 Mac 2012 iaitu tempoh 9 bulan) supaya pembentangan penyata kewangan dapat mematuhi kehendak subseksyen 59(1) Akta.

AM

58. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta , Peraturan dan perintah. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh SKM secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

59. Garis Panduan Penyeragaman Bentuk Penyata Kewangan Koperasi yang dikeluarkan melalui Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1 Tahun 2005 adalah dengan ini dibatalkan.

60. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah, pekeliling, arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh SKM dari semasa ke semasa.

DRAFT

61. Garis panduan ini dikuatkuasakan **untuk penyata kewangan meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2013**. Pemakaian awal garis panduan ini adalah digalakkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

(DATUK HJ. MD. YUSOF BIN HJ. SAMSUDIN)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh :

DRAFT